

AKTIVITI PENDAKIAN GUNUNG JERAI DALAM PROGRAM ‘INSKEP BMI CHALLENGE’ (IBC)

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4809-aktiviti-pendakian-gunung-jerai-dalam-program-inskep-bmi-challenge-ibc

GURUN, 11 Apr 19 - Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP), Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama 17 anggota Program ‘INSKEP BMI Challenge’ (IBC) telah mengadakan aktiviti pendakian di Gunung Jerai Gurun, Kedah. Aktiviti ini yang diselaraskan oleh Pegawai Sukan INSKEP, Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM dibantu oleh tiga anggota dari Cawang Jasmani INSKEP.

Objektif utama program ini dilaksanakan untuk membantu anggota mencapai tahap BMI unggul yang menjadi syarat utama bagi kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan. Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan anggota mengamalkan gaya hidup sihat dari segi pemakanan dan aktiviti beriadah. Syabas *Brotherhood* Program IBC dengan kesungguhan dan semangat juang yang tinggi menamatkan aktiviti pendakian di Gunung Jerai.



